

**FACTORS AFFECTING LEARNING TAHFIZ AL-QUR'AN FOR THE VISUALLY IMPAIRED: A STUDY AT DARUL QURAN KUALA KUBU BHARU**

**FAKTOR MEMPENGARUHI PEMBELAJARAN TAHFIZ AL-QURAN OKU PENGLIHATAN: KAJIAN DI DARUL QURAN KUALA KUBU BHARU**

Siti Nor Azimah Sabaruddin<sup>i</sup>, Mohd Ridhuwan Remly<sup>ii</sup> & Hamdi Ishak<sup>iii</sup>

- <sup>i</sup> (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Centre of Foundation Studies, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Selangor, Kampus Dengkil, Dengkil 43800, Selangor, Malaysia. [sitiazimah@uitm.edu.my](mailto:sitiazimah@uitm.edu.my)
- <sup>ii</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, [ridhuwan@uitm.edu.my](mailto:ridhuwan@uitm.edu.my)
- <sup>iii</sup> Profesor Madya, Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor. [hamdi@ukm.edu.my](mailto:hamdi@ukm.edu.my)

Abstract	<p><i>The offer of the Tahfiz al-Quran Certification program for visually impaired people has given this group the opportunity to memorise the Al-Quran formally. The learning practices practiced by students have different impacts due to different capabilities and abilities. For the visually impaired, the student's memorization achievement at the beginning is seen as weak and worrisome. However, after going through several phases of change, student achievement shows positive development. Therefore, this study aims to examine the factors that affect the memorization achievement of visually impaired students at Darul Quran. In addition, this study also analyses the issues and problems faced by visually impaired students when memorising and after memorising the Qur'an. This study is a qualitative study that uses a case study design in Darul Quran, Kuala Kubu Bharu. Data collection is sourced from three instruments, namely interviews, observations, and document analysis. To analyse the data collected, the study uses a descriptive approach and the Atlast.ti version 7.0 application. The findings of the study show that the factors that affect learning are divided into two categories, namely internal and external factors. While the learning problems faced by students are divided into two situations, namely problems when memorising the Quran and after memorising the Quran.</i></p> <p>Keywords: <i>Visually Impaired, Tahfiz, Factors, Learning, Darul Quran.</i></p>
Abstrak	<p><i>Penawaran program Pensijilan Tahfiz al-Quran bagi OKU masalah penglihatan telah memberi peluang kepada golongan ini untuk menghafaz al-Quran secara formal. Amalan pembelajaran yang diamalkan pelajar memberikan impak yang berlainan disebabkan oleh keupayaan dan kemampuan yang berbeza-beza. Bagi golongan OKU penglihatan, pencapaian hafazan pelajar pada permulaannya dilihat begitu lemah dan membimbangkan. Namun, setelah melalui beberapa fasa perubahan, pencapaian pelajar menunjukkan perkembangan positif. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian hafazan pelajar OKU penglihatan di Darul Quran. Selain itu, kajian ini juga menganalisis isu dan masalah yang dihadapi oleh pelajar OKU penglihatan ketika menghafaz dan selepas menghafaz al-Qur'an. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes di Darul Quran, Kuala Kubu Bharu.</i></p>

	<p><i>Pengumpulan data bersumberkan tiga instrumen iaitu temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Bagi menganalisis data yang dikumpul, kajian menggunakan pendekatan deskriptif serta aplikasi Atlast.ti versi 7.0. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran pula terbahagi kepada dua iaitu faktor dalaman dan luaran. Manakala masalah pembelajaran yang dihadapi oleh pelajar terbahagi kepada dua situasi iaitu masalah ketika menghafaz al-Quran dan selepas menghafaz al-Quran.</i></p> <p><i>Kata Kunci: OKU Penglihatan, Tahfiz, Faktor, Pembelajaran, Darul Quran.</i></p>
--	--

## PENDAHULUAN

OKU merupakan satu terminologi yang tidak asing di Malaysia. Pelbagai tafsiran diberikan kepada OKU iaitu orang kurang upaya, orang kelainan upaya, insan istimewa dan macam-macam lagi. Apapun tafsiran yang diberikan, OKU adalah makhluk ciptaan Allah SWT yang dikurniakan kelebihan dan keistimewaan yang tersendiri. Di Malaysia, statistik OKU yang telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ialah seramai 637,537 Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar dengan JKJ, dan 55,240 daripadanya adalah OKU masalah penglihatan (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2023).

Walaupun golongan ini terbatas dari segi pancaindera dan kekurangan upaya, namun Islam tidak pernah memandang umatnya berbeza dari segi paras rupa atau fizikal. Islam memandang amal dan takwa serta menyanjung sifat muslim yang sejati terutamanya dalam hal menuntut ilmu. Tidak kira sama ada seseorang Muslim itu normal atau cacat, kesungguhan dalam mendalami Islam merupakan suatu tuntutan. Dalam Islam, konsep pendidikan tidak terbatas kepada sesuatu golongan tertentu. OKU penglihatan juga wajib diberikan pendidikan agama berdasarkan gesaan al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW. Setiap bayi yang dilahirkan hendaklah diberikan didikan agama agar mereka berada di jalan kebenaran (Hamdi, 2016). Golongan ini juga turut dituntut mempelajari, mentadabbur, menghafaz dan memahami isi kandungan al-Quran sebagaimana golongan normal (Hamdi, 2016; Norakyairee & Ab. Halim, 2011).

Sebagaimana golongan tipikal, golongan OKU juga mempunyai naluri fitrah beragama seperti yang dinyatakan di dalam al-Quran dan as-Sunnah. Pengabaian pendidikan terhadap golongan OKU ini tidak sepatutnya berlaku kerana mereka mempunyai hak dalam mempelajari setiap ilmu yang ada. Surah 'Abasa (80), ayat 1-4 yang diturunkan di Mekah ada menyebut tentang hak OKU penglihatan dalam mendalami ilmu.

Akta Pendidikan 1996 di dalam Dasar Pendidikan di Malaysia juga ingin memastikan agar murid berkeperluan khas (MBK) diberi peluang untuk mendapat akses kepada pendidikan yang sesuai dan relevan. Justeru itu, sewajarnya golongan ini tidak dipinggirkan dalam pendidikan terutamanya pendidikan al-Quran. Ini kerana, golongan OKU fizikal, penglihatan dan pendengaran tetap ditaklifikasikan dengan semua kewajipan syarak tanpa ada pengecualian (Azman Ab. Rahman et al., 2014: 36).

## KAJIAN LITERATUR

Program Pensijilan Tahfiz al-Quran Untuk Orang Kurang Upaya Masalah Penglihatan telah ditubuhkan pada 30 Disember 2008 (Huda et al., 2019). Program ini merupakan satu program yang julung kalinya diperkenalkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan DQ kepada OKU penglihatan. Pengambilan pertama pelajar adalah pada bulan Disember 2008. Tempoh pengajian sijil ini adalah selama 6 bulan dan bahasa pengantarnya ialah bahasa melayu dan bahasa arab. Penubuhan program ini membuktikan bahawa kerajaan tidak meminggirkan golongan OKU untuk turut sama mentadabburkan al-Quran secara *tartil*. Ia juga menjadi satu permulaan yang baik dalam memartabatkan pengajian tahfiz al-Quran dalam kalangan OKU penglihatan.

Menurut Siti Nor Azimah (2014) menghafaz al-Quran merupakan satu tugas berat yang harus dipikul oleh *hamilul Quran*. Kejayaan dan kecemerlangan pelajar dalam menghafaz al-Quran pastinya didorong oleh faktor-faktor yang tertentu. Begitu juga

dengan sebaliknya. Kesemua faktor berkaitan topik ini boleh dikelompokkan kepada dua kategori iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Terdapat lima faktor dalaman yang mempengaruhi pencapaian pelajar.

Faktor utama yang mempengaruhi pencapaian pelajar tahfiz ialah minat pelajar itu sendiri. Yusri (2016) menyatakan bahawa faktor minat memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pembelajaran. Demikian juga dengan pelajar tahfiz al-Quran. Jika pelajar tersebut menunjukkan minat yang tinggi dalam menghafaz al-Quran, maka pelajar tersebut akan berusaha menghafaz al-Quran sehingga khatam 30 juzuk (Abdul Munir, 2014). Noor Najihan et al. (2016) menyatakan bahawa pelajar yang menunjukkan rasa minat terhadap al-Quran ini dapat dilihat dari kecenderungan pelajar untuk mendalami bidang agama berbanding bidang akademik dan mempunyai pengalaman menghafaz al-Quran sebelum memasuki mana-mana institusi tahfiz.

Sikap pelajar juga merupakan salah satu faktor penting yang akan mempengaruhi pencapaian hafazan pelajar. Menurut Yusri (2016) faktor sikap pelajar boleh mempengaruhi individu bagi menilai sesuatu yang disukai atau sebaliknya. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Yusri (2016), sikap pelajar terhadap subjek *Hifz al-Quran* ini boleh dilihat melalui beberapa ciri iaitu kebanyakan pelajar merasakan bahawa kelas *tasmi'* merupakan kelas yang penting, berazam untuk mendapat markah yang tinggi dalam ujian hafazan al-Quran, hadir ke kelas walaupun tiada guru, berusaha untuk *tasmi'* dengan guru pada setiap hari, dan membuat persiapan hafazan al-Quran sebelum kelas *tasmi'* bermula.

Pengalaman menghafaz al-Quran di peringkat awal akan mendorong seorang penghafaz al-Quran untuk menyambung pengajian tahfiz di peringkat yang lebih tinggi. Noor Najihan (2016) melalui kajiannya telah membuktikan bahawa pengalaman menghafaz al-Quran sebelum pelajar memasuki Darul Quran telah mempengaruhi pencapaian hafazan pelajar.

Kamarul dan Mohd Aderi (2013) berpandangan kekuatan spiritual amatlah penting bagi menghadapi segala ujian dan cabaran yang datang dalam pengajian terutamanya ketika dalam proses menghafaz al-Quran dan mengulang hafazan yang telah lalu. Kenyataan ini disokong oleh Sabri et al, (2016) yang menyatakan bahawa faktor persediaan mental dan jiwa merupakan satu persediaan yang harus ada bagi golongan penghafaz al-Quran. Ini kerana, terdapat banyak kes penghafaz al-Quran yang hampir tewas dan gagal membina kekuatan dalaman sehingga mengganggu pencapaian hafazan al-Quran.

Pengurusan masa yang bijak amatlah diperlukan bagi memastikan kedua-dua aliran pengajian tersebut dapat diseimbangkan di antara satu sama lain dan memperoleh kejayaan yang setara. Menurut Abdul Hafiz (2005) kegagalan menguruskan masa dengan bijak akan memberi kesan yang negatif kepada penghafaz al-Quran. Justeru, penghafaz al-Quran harus bijak menguruskan jadual hariannya dengan sistematik serta menyeimbangkan masa di antara aktiviti harian dan menghafaz al-Quran (Sharini Ishak, 2017).

Faktor luaran juga turut mempengaruhi pencapaian hafazan pelajar. Faktor luaran ini berkaitan dengan motivasi dan sokongan dari pihak luar yang menjadi dorongan kepada pelajar. Menurut Nik Mohd Saiful et al, (2017) motivasi diperlukan di dalam diri penghafaz al-Quran sebagai persediaan menghadapi pembelajaran. Tanpa motivasi yang tinggi di dalam diri, mana mungkin seorang penghafaz al-Quran dapat khatam hafazan 30 juzuk.

Keluarga merupakan orang yang paling rapat dengan diri seorang pelajar. Kajian yang dilakukan oleh Noor Najihan et al. (2016) terhadap sekumpulan pelajar OKU penglihatan di DQ mendapati bahawa faktor dorongan keluarga mampu mempengaruhi pencapaian hafazan pelajar. 50% pelajar bersetuju bahawa sokongan dan dorongan daripada keluarga banyak membantu mereka mencapai kejayaan dalam menghafaz al-Quran. Ini selari dengan kajian Murihah et al., (2015) dan Norlizah et al., (2015) yang

menunjukkan bahawa terdapat hubungan di antara sokongan dan minat ibu-bapa dengan penyertaan pelajar ke institusi tahfiz.

Selain itu, rakan-rakan seperti rakan sebaya juga dilihat mampu mempengaruhi pencapaian hafazan pelajar tahfiz. Menurut Noor Najihan et al. (2016), pelajar diploma OKU penglihatan di DQ banyak dibantu oleh rakan yang normal dalam meningkatkan mutu bacaan dan hafazan mereka. Percampuran di antara pelajar OKU penglihatan dan pelajar normal di dalam kelas juga secara tidak langsung dapat memberi persaingan yang sihat serta menaikkan semangat mereka untuk menghasilkan kualiti hafazan yang lebih baik.

Selain keluarga, guru juga antara individu yang mempengaruhi pencapaian pelajar. Noor Najihan et al. (2016) menyatakan dorongan, bimbingan, sikap, keperihatinan dan komitmen guru banyak mempengaruhi pencapaian hafazan pelajar. Kajian yang dijalankan oleh Mohamad Marzuqi (2008) mendapati lebih 80% pelajar bersetuju bahawa guru mereka sentiasa memberikan motivasi dan kata-kata perangsang sebagai tanda keperihatinan dan ambil berat. Kata-kata motivasi dari pihak luar ini secara tidak langsung akan membantu menaikkan semangat dalam diri penghafaz al-Quran.

Kemudahan fasiliti dan aksesibiliti merupakan satu keperluan penting bagi pelajar OKU. Kemudahan seperti laluan *rump* khusus untuk OKU penglihatan, lif, kerusi roda, tandas OKU dan tempat parking kereta diperlukan bagi membantu memudahkan pergerakan pelajar di IPT. Dari segi kemudahan akses pula, kebanyakan pelajar OKU seringkali menghadapi kesukaran dalam proses pembelajaran. Ini kerana, kekurangan kemudahan pembelajaran yang mesra OKU seperti perakam audio, aksesibiliti *talkback* di laptop dan telefon pintar menyebabkan golongan ini sukar mendapatkan sesuatu maklumat dengan jelas. Bagi institusi tahfiz yang menerima pelajar OKU, penyediaan kemudahan-kemudahan ini seharusnya disediakan terlebih awal sebelum menerima kemasukan pelajar (Mohd Jamalil et al., 2017).

Selain itu, pihak pentadbir juga harus menyediakan beberapa aspek sokongan pendidikan yang meliputi keadaan kelas, kemudahan fizikal, infrastruktur bangunan, lokasi dan alat bantu mengajar (ABM) yang mencukupi. Abdul Hafiz (2015) menyatakan bahawa keselesaan akan mempengaruhi hafazan al-Quran pelajar. Keselesaan para pelajar ini meliputi keselesaan tempat belajar, infrastruktur yang disediakan dan lain-lain kemudahan. Ini kerana, persekitaran yang selesa dan kondusif dapat meningkatkan daya hafazan pelajar.

Pemakanan merupakan salah satu faktor penting yang mempengaruhi kekuatan hafazan pelajar (Muhaidi Mustaffa, 2010; Abdul Hafiz et al., 2016) dan membantu mereka menghafaz al-Quran dengan mudah. Menjaga pemakanan boleh dilakukan dengan cara mengambil makanan yang berkhasiat seperti kismis, madu dan air zam-zam, makan dari sumber yang halal serta menjauhi makanan yang *syubhah* (Abdul Hafiz et al., 2003). Abdul Hafiz et al. (2016) menyatakan bahawa faktor pemakanan yang berkhasiat dan halal akan mempengaruhi akhlak dan keperibadian seseorang.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah kajian kes secara kualitatif. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur kerana ianya sangat bersifat fleksibel dan membolehkan responden menghuraikan apa yang difikirkannya kepada pengkaji. Ini membolehkan pengkaji mendapat maklumat dengan lebih jelas daripada responden. Menurut Merriem (1998) penggunaan temu bual separa berstruktur bersifat fleksibel dan kaedah ini membolehkan responden menghuraikan apa yang difikirkannya kepada pengkaji. Data temu bual yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian Atlas.ti 7.0.

Kajian ini dijalankan di Darul Quran, Kuala Kubu Baharu yang merupakan satu-satunya institusi kerajaan yang menyediakan pengajian tahfiz bagi OKU penglihatan di Malaysia. peserta kajian yang dipilih terdiri daripada enam orang pelajar OKU penglihatan di DQ. Dalam kajian ini peserta kajian dikodkan sebagai P01, P02, P03, P04, P05 dan P06.

Pelajar ini merupakan pelajar Diploma Tahfiz al-Quran (Syukbah Dakwah) dan dua daripadanya merupakan pelajar Sijil Asas Tahfiz al-Quran dari tahun 2016 hingga 2018.

Pemilihan peserta kajian dalam kajian kualitatif biasanya secara bertujuan atau *'purposive sampling'* (Gay, 1996; Fay & Airasian, 2003; Punch, 1998). Peserta kajian dipilih dari kalangan mereka yang boleh memberikan maklumat yang jelas dan tepat, berpengalaman sesuai dengan tajuk kajian dan persekitaran yang diperlukan dalam sesebuah kajian. Pengkaji juga perlu mendapatkan persetujuan dan kesanggupan peserta yang terlibat dalam kajian ini.

## DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan kepada data temu bual yang diperolehi, penyelidik mendapati faktor yang mempengaruhi pembelajaran tahfi al-Quran dalam kalangan OKU penglihatan dapat dikategorikan kepada dua iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Antaranya:

### Kekuatan Dalaman

Penghafaz al-Quran seharusnya mempunyai kekuatan dalaman atau spiritual yang kuat. Kekuatan dalaman ini merangkumi kekuatan fizikal dan mental. Ini bagi mengelakkan daripada perasaan lemah semangat dan berputus asa walau apa sahaja ujian yang datang. Selain itu, kekuatan dalaman perlu dibina bagi mengelakkan diri mudah terpengaruh dengan anasir-anasir negatif yang mampu mengganggu tumpuan dan konsentrasi terhadap hafazan al-Quran. Justeru, kekuatan dalaman perlu dibina dengan cara mendekatkan diri kepada Allah SWT dan berdoa supaya dikurniakan kekuatan fizikal dan mental serta istiqamah untuk bergelar *huffaz al-Quran*.

P01, P04, P05 dan P06 menyatakan kekuatan dalaman dalam diri merupakan kunci utama ke arah kejayaan pencapaian hafazan al-Quran. Penghafaz al-Quran memerlukan kepada motivasi dan keyakinan diri yang tinggi untuk menghabiskan kesemua sukatan hafazan al-Quran dalam lingkungan masa yang telah ditetapkan. Selain itu, kesedaran diri untuk menjalankan tugas dan kewajipan sebagai seorang penghafaz al-Quran merupakan salah satu aspek yang perlu diingati. Dapatan kajian mengenai faktor dalaman ini adalah sebagaimana berikut:

*Apa yang penting ialah motivasi diri dan yakin dengan diri sendiri. (TBP01:55:55)*

*Diri sendiri yang paling utama. Sebab saya kena selalu ingat tanggungjawab saya untuk tasmi' pada keesokan hari. Jadi, saya akan berusaha juga untuk menghafaz walaupun sedikit. (TBP08: 52:52)*

### 1. Pengalaman Menghafaz al-Quran

Pengalaman menghafaz al-Quran sebelum memasuki institusi tahfiz di DQ merupakan salah satu faktor yang menyumbang ke arah kejayaan pencapaian hafazan al-Quran. Pengalaman yang dimiliki dapat membantu mereka lebih bersedia dengan alam tahfiz al-Quran yang penuh dengan mehnah dan cabaran. Pengalaman menghafaz al-Quran sejak dari bangku persekolahan juga secara tidak langsung dapat mempercepatkan proses hafazan al-Quran di DQ.

Berdasarkan temubual, kesemua responden mempunyai pengalaman menghafaz al-Quran sejak dari sekolah rendah lagi. Manakala P01 dan P03 mempunyai asas menghafaz al-Quran ketika di sekolah menengah. Walaupun pengalaman yang dimiliki sekadar menghaafz juzuk Amma sahaja, namun pengalaman menghafaz al-Quran di peringkat awal ternyata berguna dan membantu mereka menghabiskan silbus hafazan pada masa yang telah ditetapkan. Dapatan kajian berdasarkan faktor dalaman ini adalah sebagaimana berikut:

*Masa dekat sekolah rendah dulu saya pernah join program tahfiz . Saya perlu menghafaz juzuk 30. Pengalaman tu agak membantu sebab dah tahu cara menghafaz sikit-sikit. (TBP03: 67:67)*

## **2. Kekekapan *muraja'ah***

Kekekapan *muraja'ah* hafazan secara tidak langsung dapat mengekalkan hafazan tersebut dalam ingatan. Semua responden menyatakan kekekapan *muraja'ah* hafazan al-Quran membantu meningkatkan pencapaian hafazan al-Quran mereka. Dapatan kajian berdasarkan kekekapan *muraja'ah* adalah sebagaimana berikut:

*Sebab semakin kerap kita mengulang, semakin lama ingatan hafazan akan berada dalam ingatan. Nak mengulang, jangan harapkan di dalam kelas tasmi' semata-mata. Tetapi, perlu mengulang sendiri di luar kelas. Kalau nak exam, tak boleh pilih-pilih ayat untuk menghafaz, kena menghafaz semua sukatan. (TBP01: 63:63)*

## **3. Amalan Pembelajaran**

Amalan pembelajaran mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian pelajar. Seorang penghafaz al-Quran perlu bijak merencana dan memiliki amalan pembelajaran yang berkesan agar memperoleh keputusan yang cemerlang di dalam peperiksaan. Semua responden P01, P02, P03, P04, P05 dan P06 menyatakan bahawa amalan pembelajaran yang diamalkan mempengaruhi pencapaian hafazan yang lebih baik. Dapatan kajian mengenai amalan pembelajaran ini adalah sebagaimana berikut:

*Cara yang saya amalkan sekarang sangat effective. Sebab semasa saya mengamalkan kaedah lain semasa program sijil, saya tak dapat tasmi' setiap hari. Ini kerana, saya terpaksa mengikut cara dan kaedah orang lain yang tidak bersesuaian dengan diri saya. Sekarang ini, bila saya mengikut kaedah dan teknik yang sesuai, saya dah boleh tasmi' dua muka surat setiap hari. Kiranya, saya lebih selesa dengan cara yang diamalkan sekarang. (TBP06: 65:65)*

## **4. Pengurusan Masa**

Bagi pelajar tahfiz al-Quran, mereka mengikut dua sistem pengajian iaitu pengajian tahfiz dan pengajian akademik. Justeru, banyak masa dihabiskan untuk kedua-dua sistem pengajian ini. Kegagalan untuk menguruskan masa pengajian akademik dengan aktiviti menghafaz al-Quran pastinya menjejaskan pencapaian hafazan al-Quran. Oleh itu, pelajar tahfiz al-Quran seharusnya bijak untuk menguruskan jadual harian supaya seimbang di antara tugas pengajian akademik dan hafazan al-Quran.

P01, P06 dan P04, berpendapat bahawa pengurusan masa yang bijak amatlah penting dalam kehidupan seharian sebagai pelajar tahfiz al-Quran. Kegagalan menguruskan masa dengan baik pastinya mengganggu pelajaran akademik dan hafazan al-Quran. Dapatan kajian mengenai kaedah ini adalah sebagaimana berikut:

*Pengurusan masa yang betul akan membantu mempengaruhi pencapaian hafazan saya. (TBP01: 55:55)*

## **Faktor Luaran**

Selain faktor dalaman, faktor luaran turut mempengaruhi pencapaian hafazan pelajar. Faktor luaran merupakan sumber inspirasi dan pendorong kepada pelajar. Terdapat tujuh faktor luaran yang mempengaruhi pencapaian hafazan pelajar OKU penglihatan di Darul Quran:

## 1. Keluarga

Keluarga merupakan individu yang paling dekat dengan diri pelajar. Keluarga memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pencapaian hafazan pelajar. Pelajar yang mempunyai latar belakang keluarga yang cintakan agama akan mendapat sokongan penuh dalam menghafaz al-Quran. Kesemua responden bersyukur kerana dilahirkan dalam keluarga yang menyokong penuh niat mereka untuk bergelar *huffaz al-Quran*. Kata-kata semangat dan motivasi daripada keluarga menjadi pendorong kepada kejayaan pelajar.

Apa yang menariknya, sokongan penuh dari ibu-bapa P06 untuk bergelar hafiz al-Quran walaupun mereka berlainan agama. Sokongan yang ditunjukkan oleh kedua ibu bapanya ternyata merupakan satu kelebihan dan keberkatan yang mengiringi perjuangannya. Dapatan kajian berkaitan faktor ini adalah sebagaimana berikut:

*Keluarga juga turut memainkan peranan dengan memberikan kata-kata semangat dan dorongan walaupun mak, ayah saya berlainan agama, mak, ayah saya cina yea..tak masuk islam lagi, tapi mereka tidak menghalang saya untuk masuk Islam dan menjadi penghafaz al-Quran. Masa pendaftaran hari tu, mak, ayah saya datang (TBP06: 54:54)*

## 2. Rakan

Hafazan al-Quran yang didorongi oleh rakan-rakan juga mampu mempengaruhi hafazan pelajar. Ini kerana, rakan merupakan individu yang selalu bersama pelajar selain keluarga. Kenyataan ini dipersetujui oleh kesemua responden OKU penglihatan di DQ. Bagi mereka, masa sehabian banyak dihabiskan bersama rakan iaitu di kelas dan juga di asrama.

P01 dan P04 menyatakan bahawa rakan sebilik dan sekelas saling berkerjasama, memberik motivasi dan sokongan dalam menghafaz al-Quran. Begitu juga P03, P04 rakan mampu memberikan pengaruh positif dan juga negatif. Justeru, penghafaz al-Quran perlulah bijak mencari rakan-rakan sealiran agar dapat menyerap aura positif daripadanya. Bagi P06 dan P05, rakan mampu merangsang mereka untuk lebih bersemangat dan memberi persaingan yang sihat dalam menghafaz al-Quran. Ianya berlaku apabila beliau menyedari rakan-rakan satu semester telah banyak menghafaz al-Quran. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan usaha mereka dalam menghafaz al-Quran.

*Selain itu, rakan juga mampu mempengaruhi saya dalam menghafaz al-Quran. Kerana bagi saya, rakan seharusnya memberi motivasi dan berdiri sama tinggi serta duduk sama rendah. (TBP01: 56:56)*

*Rakan juga turut mempengaruhi hafazan saya. Ini kerana, apabila saya lihat rakan sedang menghafaz al-Quran, maka saya juga turut rasa bersemangat untuk menghafaz. Di saat saya rasa down juga, kawan akan memberikan kata-kata semangat untuk meneruskan hafazan. (TBP06: 54:54)*

*P04 dan P05 dilihat berlumba-lumba membaca ayat-ayat yang telah dihafaz sambil menulis al-Quran tahriri. Mereka menggunakan mesin Perkins Braille di dalam kelas tasmi' bagi menyiapkan tugas ini. Mereka gigih memperdengarkan hafazan masing-masing sambil jari-jemari laju menghabiskan taipan mereka. Masing-masing sedang berlumba untuk mencari siapa yang paling cepat dapat menyiapkan al-Quran tahriri. Ini secara tidak langsung berlakunya persaingan yang sihat di antara mereka. (PP:P04:P0)*

## 3. Guru

Guru adalah pembimbing utama kepada para pelajar dalam hafazan al-Quran. Seorang guru yang baik seharusnya menyediakan kaedah pengajaran yang teratur, motivasi dan bahan-bahan pengajaran yang mampu meningkatkan pretasi pelajar. Guru juga

seharusnya menjadi *role model* yang mampu membimbing dan mendorong pelajar ke arah kebaikan.

Selain itu, setiap tindakan yang dilakukan perlulah mengambil kira semua aspek terutamanya pencapaian pelajar. Sikap pilih kasih di antara pelajar juga harus di jauhi agar pelajar tidak merasa tersisih dan terpinggir. Guru haruslah peka dengan kelemahan dan kemampuan pelajar supaya mereka tidak merasa tertekan dengan sikap dan tindakan guru.

Penggunaan pendekatan yang sesuai juga harus digunakan oleh guru ketika mendidik pelajar istimewa seperti OKU penglihatan. Mereka ini merupakan insan yang sensitif dan seringkali mudah tersinggung dengan kata-kata yang ditujukan kepada mereka. Ini kerana mereka tidak dapat melihat mimik muka dan riak wajah seseorang. Oleh itu, guru yang mengajar OKU penglihatan ini seharusnya memahami dan peka dengan sensitiviti golongan istimewa ini bagi mengelakkan ketidakpuasan hati dan ketidakselesaan pelajar. P01, P02 dan P03 menyatakan bahawa guru merupakan salah seorang individu yang mampu mempengaruhi pencapaian hafazan mereka. Dapatan kajian berdasarkan faktor guru adalah sebagaimana berikut:

*Guru juga memberikan kesan kepada pencapaian hafazan saya. Ini kerana, guru sepatutnya memberi motivasi kepada pelajar, bukan membandingkan di antara pelajar atau menyindir pelajar secara kiasan. Cara ini akan buat pelajar depressi. (TBP01: 57:57)*

#### 4. Penyelaras Program

Seperti guru, penyelaras program juga adalah pembimbing kepada pelajar. Hubungan yang baik di antara kedua-dua belah pihak perlu dijalinan agar semua urusan berjalan dengan lancar. Sikap perihatin yang ditunjukkan oleh penyelaras program kepada pelajar juga mengeratkan lagi hubungan dan mempengaruhi emosi pelajar istimewa OKU Penglihatan.

Bagi program tahfiz OKU Penglihatan di DQ, seorang pensyarah dipertanggungjawabkan sebagai penyelaras program dan menjaga kebajikan semua pelajar. Justeru, beliau merupakan orang yang paling rapat dan dekat dengan kesemua responden. Pelajar diajar kursus mobiliti dan cara menguruskan diri sepanjang berada di asrama dan kawasan sekitar DQ.

Bagi P02 dan P06, sikap positif yang ditunjukkan oleh penyelaras program seringkali menaikkan semangat mereka untuk menghafaz al-Quran dengan lebih baik. Ini kerana, penyelaras program bertindak sebagai penasihat dan pakar rujuk ketika mereka menghadapi masalah di dalam pelajaran. Dapatan kajian berdasarkan faktor penyelaras program adalah sebagaimana berikut:

*Penyelaras program selalu bagi semangat, dari awal saya daftar kat sini, diaorang macam mengalu-alukan kedatangan kita. Saya rasa lebih bersemangat. (TBP06: 53:53)*

#### 5. Pemakanan

Pemakanan yang sihat dan berkhasiat juga mampu mempengaruhi prestasi hafazan pelajar. Islam juga menitikberatkan konsep "*halalan ĩoyyiban*" dalam pengambilan makanan harian. Semua responden P01, P02, P03, P04, P05, P06, P07 dan P08 menyatakan penjagaan dan pemilihan makanan yang berkhasiat dapat membantu kecerdasan otak dan akal fikiran. Menurut mereka, seorang hafiz perlulah menitikberatkan pemilihan makanan yang bersesuaian dan mengelakkan makanan yang haram dan *syubhah*. Penjagaan makanan yang halal dan berkhasiat juga secara tidak langsung mempengaruhi keperibadian seseorang serta badan yang lebih cergas dan cerdas. Bagi meningkatkan daya ingatan, mereka mengamalkan pemakanan sunnah seperti kurma, kismis dan madu.

*Saya tak akan makan benda-benda yang masam, makanan ringan dan organ dalaman. Kalau tak jaga pemakanan, akan menjejaskan hafazan sebab pemakanan adalah penyumbang kepada kekuatan daya ingatan. (TBP01: 83:83)*

*Bagi saya, bila amalkan pemakanan yang sihat, otak akan lebih cerdas dan badan pun akan lebih cergas dan ringan. (TBP05: 80:89)*

Namun begitu, para pelajar perlu mujahadah diri dan mengelakkan dari memakan makanan yang tidak berkhasiat. Cabaran lebih dirasakan apabila tinggal di asrama kerana makanan ringan seperti maggi menjadi salah satu makanan ruji para pelajar masa kini.

*Kalau tak jaga pemakanan, memang akan mempengaruhi hafazan. Jadi susah nak ingat dan apa yang dihafaz terasa terjejas. Conothnya, kalau makan maggi, hafazan akan jadi kurang lancar dan susah nak kekal dalam ingatan (TBP04: 83:83)*

## **PENUTUP**

Sebagai kesimpulannya, dapatlah dirumuskan bahawa faktor pembelajaran tahfiz al-Quran yang digunakan oleh pelajar OKU penglihatan terbahagi kepada dua iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Kedua-dua faktor ini memberi cabaran dan pengaruh besar ke arah pencapaian hafazan pelajar samada ke arah kecemerlangan ataupun kegagalan. Manakala elemen terakhir yang dikaji ialah isu dan masalah yang dihadapi oleh golongan OKU penglihatan ketika menghafaz dan selepas menghafaz al-Quran. Walaupun terpaksa berhadapan dengan pelbagai mehnah dan ujian, namun mereka terus istiqamah meneruskan perjuangan mengejar gelaran "*huffaz al-Quran*" serta berjaya merangkul segulung ijazah.

Kesungguhan dan minat yang ditunjukkan oleh semua pelajar di sini ternyata mampu memberi saingan sihat kepada golongan pelajar normal untuk meningkatkan usaha dalam menghafaz al-Quran. Pengkaji juga berharap dengan lahirnya kajian yang tidak seberapa ini, akan melahirkan minat dan pencetus idea kepada golongan-golongan intelek pada masa akan datang supaya melakukan lebih banyak lagi kajian berkaitan pengajian tahfiz al-Quran dalam kalangan OKU penglihatan.

## **RUJUKAN**

### **Buku**

- Abdul Hafiz, A. Hussin, S., Azmi, S. S., & Sulaiman, S. M. N. (2005). *Sistem Pembelajaran dan Kaedah Hafazan al-Quran di Kuala Lumpur dan Terengganu*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2003). *Sambutan 35 Tahun JAKIM: Penjana Umat Bertaqwa dan Progresif*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.

### **Jurnal**

- Azmil, H., Ab. Halim, T., Misnan, J. & Mohd Aderi, C. N. (2014). The Relationships between Etiquettes of Tahfiz (Memorization al-Quran) and Tahfiz Achievement. *Australian Journal of Basic and Applied Science*, 8(23), 212-218
- Mohd Jamalil, I., Sabri, M., Tengku Intan Zarina, T. P. (2017). Strategi Kecemerlangan Institusi Tahfiz al-Quran di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 15, 1, 51-60
- Noornajihan, J., Norakyairee, M. R., Abdoul Karim, T., Abdul Muhaimin, A., Mohd Nur Adzam, R. & Nurul Asiah, F. M. (2016). Faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Berkeperluan Khas (Penglihatan) dalam Menghafaz al-Quran : Kajian di Darul Quran, JAKIM. *Journal of Maalim al Quran wa al-Sunnah*, 11(12), 109-127.

- Norlizah C. H., Fathiyah M. F. Ahmad Fauzi, M. A. & Lukman, A. M. (2015). Tahfiz School Entry Requirement and Characteristics of Tahfiz Students. *International E-Journal of Advances in Education*, 1(3), 234-241
- Yusri Chek. (2016). Sumbangan Darul Quran (JAKIM) Terhadap Pengajian al-Quran dalam Kalangan Orang Kurang Upaya Penglihatan. *Jurnal al-Turath*, 1(2), 25-33.

### **Laman Sesawang**

- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). 2023. Statistik Pendaftaran OKU Mengikut Negeri dan Kategori Sehingga 31 Januari 2023. [https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/STATISTIK%20PENDAFTRAAN%20OKU%2031012023%20\(2\).pdf](https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/STATISTIK%20PENDAFTRAAN%20OKU%2031012023%20(2).pdf)

### **Seminar & Prosiding**

- Abdul Munir, I. (2014). *Aksesibiliti OKU di Institusi Masjid-masjid Daerah Tanjung Mali, Perak*. Kedah: Perpustakaan Sultan Badlishah. International Conference Technology Science Social Sciences Humani.
- Hajarul Bahti, Z.. (2010). *Isu dan Cabaran Guru dalam Pendidikan al-Quran Pelajar Bermasalah Penglihatan*. Prosiding Seminar Pendidikan Guru Peringkat Antarabangsa kali ke-4 (UPI & UPSI). Bandung: Indonesia.
- Hamdi Ishak. (2016). *Pengukuhan Pendidikan Islam Orang Kurang Upaya: Isu dan Cabaran*. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Serantau Pendidikan Islam Orang Kurang Upaya, 20 September 2016.
- Kamarul A. J. & Mohd Aderi, C. N. (2013). *Sejarah, Kaedah, Serta Model Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran*. Kertas kerja ini dibentangkan dalam Bengkel Pemulihan dan Pengayaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) al-Quran SRA JAWI, 28-29 Oktober 2013, Dewan Syarahan, Masjid Negara, Jalan Perdana, Kuala Lumpur.
- Muriyah, A., Abdul Hafiz, A., Arieff Salleh, R., Mohd Faez, I. (2015). *Garis panduan bagi Hafiz al-Quran menurut pandangan Al-Nawawi*. In: Seminar Internatinal Conference on Islamic Education and Social Entrepreneurship 2015.
- Nik Mohd Saiful Azizi, N. A., Fathiyah Solehah, M. S., & Rabi'atul Athirah, M. I. (2017). *Challenging Facing School Students in Qur'an Memorization: A Qualitative Study*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Teknik Pengajaran Tahfiz al-Quran Peringkat Kebangsaan. Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Norakyairee M. R., & Ab. Halim, T. (2011). *Program Tilawah al-Quran di Masjid Bagi Golongan Bermasalah Penglihatan: Realiti Dan Cabaran Semasa*. Prosiding Seminar Pengurusan Masjid Inovatif Peringkat Antarabangsa. IAIN Ar-Raniry, Banda Aceh.
- Sabri, M., Azmil, H., Hamdi, I. (2016). *Pembangunan Kurikulum Pendidikan Tahfiz: Prinsip dan Kaedah dalam Membina Kurikulum Tahfiz al-Quran*. Kertas kerja ini dibentangkan di Simposium Pendidikan Tahfiz Peringkat Antarabangsa, 22-24 November 2016/22-24 Safar 1438H, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi.

### **Tesis & Disertasi**

- Muhaidi Mustafa. (2010). *Hafazan al-Quran dan Hubungannya dengan Kecemerlangan Pelajar: Kajian di Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Pulau Chondong, Kelantan dari Tahun 1997 hingga 2007*. Disertasi Ijazah Sarjana Muda Usuluddin. Universiti Malaya.
- Sharini Che Ishak. (2017). *Kaedah, Proses dan Faktor yang Mempengaruhi Pembelajaran Tahfiz dalam Kalangan Murid Sekolah Agama Kerajaan*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Siti Nor Azimah Sabaruddin. (2014). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran Braille: Kajian Kes di Kompleks Malaysian Association for the Blind, Brickfields, Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana. UKM: Fakulti Pengajian Islam.

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*